

Tinjauan Sistemik terhadap Faktor Penyucian Lembu dalam Hindu

[A Systematic Review on the Veneration of Cows in Hinduism]

Nurhanisah Senin^{1*}, Nurzatil Ismah Azizan², Nazneen Ismail¹ & Zainory Shafie¹

¹ Department of Da'wa & Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

² Department of al-Quran & al-Sunnah, Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding Author: Nurhanisah Senin. Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. E-mail: nurhanisah@kuis.edu.my

Keywords:

*Hindu; Cow; Veneration
Factor; SLR*

ABSTRACT

The prohibition of killing and eating cows among the Hindus are generally well known. This paper aims to discuss the status of the cow in Hinduism through analysing past related literatures. This paper employs content analysis method through Systematic Literature Review. Articles are collected from Scopus and Dimensions database. 16 articles are screened through the process of identification, examination and eligibility. A systematic analysis focuses on factors of cow veneration in Hinduism. Three major factors were evident in this study namely religion, economy and politic. In the first phase, veneration of the cow is more of a religious issue due to the influence of ahimsa principle introduced in Jainism. In the later phase, it is more of an economic factor where cows were protected and not killed for their benefits to mankind. Whereas now, veneration of the cow is more related to political factors in defending the status quo of the Hindus.

Kata Kunci:

*Hindu; Lembu; Faktor
Penyucian; SLR*

ABSTRAK

Larangan membunuh dan memakan daging lembu kepada penganut Hindu telah dimaklumi secara umum. Artikel ini membincangkan kedudukan lembu dalam ajaran Hindu menerusi kajian terhadap literatur-literatur lepas yang berkaitan. Kajian ini menggunakan metode analisis kandungan dengan kaedah *Systematic Literature Review* (SLR). Artikel-artikel telah dikumpulkan daripada pangkalan data *Scopus* dan *Dimensions* dan 16 artikel telah melalui saringan identifikasi, pemeriksaan dan kelayakan. Hasil daripada saringan mendapati hanya lima artikel yang berkait rapat dengan tajuk kajian. Analisis sistematik memfokuskan kepada faktor penyucian lembu dalam ajaran Hindu. Kajian mendapati tiga faktor utama iaitu agama, ekonomi dan politik. Pada tahap awal, penyucian lembu dalam masyarakat Hindu lebih bersifat agama kerana terkesan dengan prinsip *ahimsa* yang dibawa oleh agama Jaina. Pada fasa seterusnya, penyucian lembu lebih terkait dengan faktor ekonomi apabila lembu dipelihara dan tidak dibunuh kerana

manfaatnya untuk manusia. Adapun pada zaman ini, penyucian lembu lebih bersifat politikal dalam mempertahankan status quo masyarakat Hindu.

Received: March 24, 2020

Accepted: May 16, 2020

Online Published: June 01, 2020

1. Pendahuluan

Permulaan amalan penyucian lembu oleh masyarakat Hindu dapat dikaitkan dengan aspek ekonomi dan pertanian masyarakat India. Pada zaman pra-Hindu di India atau dikenali sebagai zaman Veda kuno, lembu disembelih dan dimakan dan merupakan salah satu makanan terpenting yang ditawarkan kepada para dewa dan dimakan oleh peserta-peserta dalam upacara agama Hindu (Batra 1981). Pada zaman Hindu klasik, lembu tidak dianggap sebagai haiwan yang istimewa mahupun suci seperti yang difahami dalam konteks hari ini. Seiring dengan peredaran masa, golongan Brahmin menjadi kasta yang bertanggungjawab terhadap perlindungan binatang ternak daripada sebarang penyembelihan (Jha 2002).

Lembu kemudiannya menduduki kedudukan penting dalam ekonomi pertanian India. Dengan pengukuhan pertanian dan kepadatan penduduk India yang semakin meningkat, kekurangan bilangan lembu menjadi faktor penghalang utama terhadap pembangunan ekonomi dan mengancam ketersediaan haiwan bajak kepada para petani. Lembu dianggap sebagai penerak ekonomi di India disebabkan fungsinya yang pelbagai seperti sebagai alatan bajak, produk tenusu, lemak, dan sebagainya (Margo 2012).

Sudah difahami secara meluas bahawa antara ajaran utama dalam Hindu adalah penyucian lembu di kalangan masyarakatnya. Lembu dianggap sebagai binatang yang suci, maka menyembelih dan memakannya adalah tindakan yang tidak dapat diterima (Sanderson 2011). Dalam agama Hindu juga, lembu merupakan haiwan yang dihormati dan diagungkan serta dimuliakan oleh masyarakat Hindu kerana lembu dianggap sebagai tempat bersemayam bagi para dewa-dewi. Lembu merupakan binatang pilihan para dewa-dewi kerana lembu merupakan binatang yang memberikan kehidupan pada alam semesta. Para pengikut Hindu menghargai, menghormati dan melindungi lembu sebagai jalan bakti kepada Tuhan. Dengan jalan bakti tersebut maka mereka akan mendapatkan kesempurnaan dalam hidup mereka. Mereka mempersembahkan doa-doa serta pujian untuk lembu kerana telah memberikan kehidupan dan kemakmuran (J. Hsu 2012).

Adapun realitinya di India pada hari ini, terdapat gerakan ekstrim yang menegakkan penyucian lembu sehingga menyebabkan konflik antara agama. Kedudukan aktivis Hindu ini dilihat semakin agresif sejak pemerintahan perdana menteri Narendra Modi yang dilantik pada tahun 2014. Gerakan ini bersifat ekstrim dalam menghukum sesiapa sahaja yang didapati menyakiti, membunuh dan memakan daging lembu yang majoritinya terdiri daripada penganut Muslim. Mereka dipukul secara beramai-ramai di tempat awam sehingga mati (Korom 2000).

Menurut laporan Reuters, terdapat sejumlah 63 serangan daripada kumpulan aktivis Hindu di antara 2010 dan pertengahan 2017 dan kebanyakannya berlaku selepas 2014 iaitu sejak pemerintahan Modi. Dalam serangan-serangan tersebut dianggarkan 28 bangsa India terbunuh dan 24 daripadanya adalah Muslim manakala 124 lagi cedera (Reuters. 28 June 2017). Hal ini menjadi semakin runcing apabila dalam sebuah pertemuan organisasi-organisasi Hindu di India, salah seorang aktivis Hindu secara lantang mencadangkan untuk membunuh sesiapa yang memakan daging di tempat awam (Reuters. 28 June 2017). Dalam laporan lain disebutkan seramai 280 orang yang cedera dalam lebih daripada 100 serangan di antara Mei 2015 sehingga Disember 2018 (Bloomberg. 20 Februari 2019). Gerakan ekstrimis ini yang kononnya mengangkat dan memelihara kedudukan lembu namun sebaliknya bergerak secara radikal membunuh dan menyakiti orang lain secara terbuka atas nama agama.

Justeru, perbincangan-perbincangan lepas menunjukkan terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada konsep penyucian lembu dalam ajaran Hindu. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan secara tuntas faktor-faktor penyucian lembu dalam ajaran Hindu menerusi tinjauan literatur sistematik.

2. Metodologi

Kajian ini mengaplikasi reka bentuk kajian tinjauan literatur sistematik. Perbincangan akan dibahagikan kepada tiga proses utama seperti yang dilakukan oleh Xiao dan Watson (2017) iaitu melalui tahap identifikasi, pemeriksaan, kelayakan dan diikuti dengan analisis ringkasan literatur.

2.1 Identifikasi

Dalam penulisan tinjauan sistematik literatur, proses pertama adalah mencari dan memastikan kata kunci yang bertepatan dengan tajuk yang dibincangkan Xiao dan Watson (2017). Bagi mengenalpasti kata kunci yang sesuai, semakan dilakukan menerusi kamus, thesaurus dan kajian-kajian lepas. Kajian ini menggunakan tiga kata kunci utama iaitu *holy cow*, *sacred cow* dan *cow protection*. Kata kunci yang digunakan adalah dalam Bahasa Inggeris kerana dapatan tentang penulisan penyucian lembu banyak ditulis dalam Bahasa Inggeris. Penulisan tentang penyucian lembu dalam Bahasa Melayu tidak banyak dibincangkan dalam bentuk penulisan akademik. Pencarian dilakukan dalam dua pangkalan data iaitu Scopus dan Dimension. Hasil daripada pangkalan data Scopus, terdapat tujuh artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian manakala pangkalan data Dimension menunjukkan terdapat sembilan artikel yang berkaitan.


2.2 Pemeriksaan

Tujuan utama pemeriksaan adalah untuk mengeluarkan artikel-artikel yang sama mahupun artikel yang tidak berkaitan secara langsung dengan tajuk kajian. Kriteria utama adalah untuk mencari artikel yang membincangkan tentang faktor penyucian lembu dalam agama Hindu. Daripada 16 artikel yang diperolehi, terdapat tiga artikel yang sama dan tidak memenuhi kriteria.

2.3 Kelayakan

Dalam proses untuk pemeriksaan kelayakan, 13 artikel diperiksa dengan lebih teliti dengan melihat abstrak serta kertas kerja penuh. Sebanyak lapan artikel dikeluarkan pada fasa ini kerana tidak memenuhi kriteria kelayakan. Antara kriteria utama adalah, artikel tersebut perlulah membincangkan tentang faktor penyucian dalam agama Hindu. Artikel-artikel yang dikeluarkan daripada proses ini kebanyakannya membincangkan secara fokus berkenaan aspek kesihatan pemakanan, larangan memakan daging, gerakan memelihara lembu dan kaitan gerakan tersebut dengan politik tanpa perbincangan tentang faktor penyucian lembu dalam ajaran Hindu. Artikel-artikel yang dimasukkan hanyalah artikel yang menyentuh tentang faktor-faktor penyucian lembu dalam ajaran Hindu.

Rajah 1. Proses Saringan Artikel



2.4 Ringkasan Literatur

Hasil daripada proses saringan literatur-literatur lepas, lima artikel telah dikenalpasti membincangkan secara langsung berkenaan faktor penyucian lembu dalam ajaran Hindu. Berikut adalah ringkasan literatur-literatur yang terpilih.

Jadual 1. Ringkasan Literatur

No.	Penulis (Tahun)	Kata kunci	Dapatan
1	Aparna Parikh & Clara Miller (2019)	<i>Animal symbolism, surveillance, Dalit, Muslim, India</i>	Kesan daripada pengaruh ajaran Buddha.
2	Uttara Kennedy, Arvind Sharma & Clive J. C. Philips (2018)	<i>Cow, shelter, gaushala, welfare, India, dairy, slaughter</i>	Kesan daripada tamadun Mesopotamia yang mempengaruhi penduduk di lembah Indus. Diikuti dengan penegasan peranan lembu dalam Veda dan prinsip <i>ahimsa</i> dalam ajaran Buddha.
3	Govindasamy Agoramoorthy & Minna J. Hsu (2012)	<i>Hinduism, cow protection, religion, culture, economy, society, India</i>	Lembu dianggap sebagai ibu yang memberikan manfaat yang besar buat alam. Lembu dianggap sebagai dewi. Penyucian lembu juga dipengaruhi dengan faktor ekonomi.
4	Frank J. Korom (2000)	<i>Hinduism, ecology, cow lore, cultural materialism</i>	Lembu mempunyai hubungan signifikan dengan alam menyebabkan ianya perlu dipelihara. Kesan pengaruh prinsip <i>ahimsa</i> pada abad sebelum masihi. Pengaruh masa kini adalah kesan daripada prinsip yang dibawa oleh Mahatma Gandhi.
5	Deryck O. Lodrick (2005)	<i>Sacred cow concept, South Asia</i>	Bangsa Aryan mula meletakkan lembu sebagai binatang yang mempunyai kedudukan tinggi bagi golongan kasta atasan dan kemudian kedudukan tersebut diperkukuhkan lagi dengan prinsip <i>ahimsa</i> . Penyucian lembu dikaitkan dengan tiga faktor utama iaitu agama, ekonomi dan politik.

3. Perbincangan

Hasil daripada pencarian melalui kaedah literatur sistematik menunjukkan terdapat tiga faktor utama lembu disucikan dalam ajaran Hindu iaitu faktor keagamaan, ekonomi dan politik.

3.1 Faktor Agama

Pemulaan penyucian lembu dalam ajaran Hindu bermula daripada kedudukan lembu yang disebutkan dalam kitab Veda yang dikarang oleh pendeta Aryan daripada kalangan kasta Brahmin (kasta yang tertinggi dalam sistem kasta Hindu) pada sekitar tahun 1300SM (Kennedy 2018).

Lembu dan kerbau banyak disebut di dalam kitab Veda berbanding dengan haiwan-haiwan lain. Hal ini menunjukkan lembu mempunyai kedudukan yang istimewa dalam kalangan penganut Hindu ketika itu. Kitab Veda menunjukkan bagaimana lembu merupakan haiwan sembelihan (Veda 8.43.11) yang digunakan untuk tujuan korban. Ianya dianggap sebagai pengorbanan yang tinggi nilainya. Dalam fasa Veda, amalan korban merupakan ritual asas dalam kepercayaan mereka. Daging lembu juga dimakan dan dihidangkan kepada golongan yang berstatus tinggi sahaja yang menunjukkan lembu mempunyai nilai yang tinggi berbanding dengan haiwan-haiwan lain. Hasil tenusu lembu juga digunakan dalam ritual-ritual keagamaan dan digunakan sebagai sembah kepada dewa-dewa mereka. Tambahan lagi, pada zaman akhir Veda, najis dan susu lemak lembu dianggap sebagai bahan yang dapat menyucikan jiwa seseorang (Simoons 1974).

Lembu diangkat bukan sahaja sebagai simbol keagamaan ketika zaman Veda, namun ianya juga dianggap sebagai simbol kekayaan. Pengembala yang mempunyai ternakan lembu yang banyak dianggap sebagai orang yang berharta. Oleh itu, kepemilikan lembu berkait rapat dengan sosio-ekonomi masyarakat Hindu pada waktu Veda (Schwabe 1978). Sebahagian pengkaji menyimpulkan larangan menyembelih lembu dalam Rig Veda dan Atharva Veda menunjukkan konsep kesucian lembu pada zaman Veda. Namun begitu, terdapat juga pengkaji yang mendapati kesucian lembu ketika itu bukanlah terletak pada kepercayaan penganut Hindu akan tetapi lembu yang dianggap suci dan tidak boleh disakiti hanyalah yang dimiliki oleh golongan Brahman sahaja sebagai simbol kemuliaan kasta mereka (Brown 1957). Hal ini menunjukkan lembu pada zaman Veda dianggap sebagai simbol kekayaan dan kemuliaan kasta Brahmin di mana kepemilikan lembu dianggap sebagai harta yang paling berharga.

Selain daripada zaman Veda, kepercayaan terhadap kesucian lembu ini juga dikaitkan dengan konsep *ahimsa* iaitu kepercayaan yang berasal daripada agama Jain dan Buddha. Prinsip *ahimsa* melarang penganutnya membunuh sebarang makhluk yang hidup termasuk serangga kecil serta hama kerana ianya dianggap sebagai satu praktis yang menzalimi kehidupan. Pendeta-pendeta Jain mengelakkan diri daripada membunuh sebarang haiwan yang hidup dengan memakai pelitup muka serta menyapu jalan yang mereka lalu agar serangga yang dipijak oleh mereka. Prinsip ini muncul pada abad 4SM dengan lahirnya ajaran Jain yang merupakan pencetus kepada ajaran Buddha yang lahir selepas itu. Kepercayaan Hindu terpengaruh dengan kepercayaan Jain (salah satu kepercayaan yang lahir sebelum ajaran Buddha) yang akhirnya menyebabkan masyarakat Hindu mula untuk tidak membunuh lembu (Lodrick 2005). Hal ini dirakamkan dalam kitab *Mahabharata* seperti berikut (Mahabharata Anushasana Parva 114.6, 115.6):

As the footprints of all moving, living beings are engulfed in those of the elephant, even thus all religions are to be understood by ahimsa which is non-violence to any living being by thought, words or actions.

Maksudnya:

“Sebagai jejak semua benda yang bergerak, makhluk hidup diliputi oleh orang-orang gajah, sehingga semua agama harus difahami oleh ahimsa iaitu anti-kekejaman terhadap mana-mana makhluk hidup melalui pemikiran, kata-kata atau tindakan.”

Namun begitu, haiwan lain seperti kambing dan ayam sebagai sumber makanan masih tetap disembelih oleh penganut Hindu. Prinsip *ahimsa* yang diambil daripada Jain hanya merupakan sebagai prinsip yang mendokong kepercayaan mereka terhadap kesucian lembu (Lodrick 2005). Prinsip *ahimsa* pada awalnya tidak diterima secara langsung oleh penganut Hindu, malahan prinsip ini pada asalnya menentang amalan korban yang dilakukan pada zaman Veda. Dengan mendokong prinsip *ahimsa*, golongan Kshatriya secara tidak langsung dapat mengurangkan pengaruh golongan Brahmin daripada mendominasi. Walaupun prinsip *ahimsa* telah lama dimaklumi oleh masyarakat India namun ia memakan masa yang agak lama untuk diterima sebagai satu kepercayaan yang diterima dalam aliran arus perdana (Weber 1958).

Teks-teks klasik menunjukkan hanya pada sekitar 5SM hingga 4SM ianya mula diterima dalam kalangan golongan Brahmin. Contohnya dalam *Bhagavad Gita* perkataan *ahimsa* disebutkan sebanyak empat kali namun ianya tidak diterangkan secara khusus dan amalan menyembelih lembu dan memakan daging lembu masih diamalkan oleh penduduk India (Lodrick 2005). Menurut Jha (2002), walaupun prinsip *ahimsa* ini dicatatkan dalam teks-teks Hindu, namun ianya mendapat penentangan daripada masyarakat kerana sememangnya pemakanan daging lembu merupakan sebahagian tradisi masyarakat India.

Selain itu, menurut kepercayaan ajaran Hindu, di dalam tubuh lembu bersemayamnya tiga puluh tiga dewa. Dewa-dewa tersebut bersemayam di tempat yang berbeza-beza, ada yang di perut, paha, punggung dan leher. Disebabkan keyakinan bahawa di tubuh lembu menjadi tempat bersemayam bagi para dewa-dewi kerana lembu merupakan binatang yang memberikan kehidupan pada alam semesta (Korom 2000).

Para pengikut Hindu menghargai, menghormati dan melindungi lembu sebagai jalan bakti kepada Tuhan. Dengan jalan bakti tersebut maka mereka akan mendapatkan kesempurnaan dalam hidup mereka. Mereka mempersembahkan doa-doa serta pujian untuk lembu kerana telah memberikan kehidupan dan kemakmuran. Dalam mitologi dan falsafah masyarakat Hindu, Lembu merupakan kenderaan Dewa Siva. Lembu dikenali sebagai *Nandini* yang setia kepada Dewa Siva. Dalam setiap perjalanan Dewa Siva, *Nandini* selalu setia menghantarkannya. Dalam suatu cerita, *Nandini* rela meninggalkan keluarganya demi menghantar Dewa Siva. Maka lembu dianggap sebagai binatang yang terhormat, kerana mampu menyerahkan dirinya untuk melayani dewa (Doniger 2017). Oleh kerana itu, masyarakat Hindu sangat menghormati lembu dan sangat memuliakannya.

Krishna, salah satu bentuk jelmaan tuhan yang paling dihormati juga cenderung kepada lembu. Dewa Krishna sangat menyukai lembu sehinggakan dia ingin menjadi pengembala lembu. Krishna digelar sebagai Gopala yang bermaksud pelindung lembu. Gopala merupakan suatu lambang hubungan antara alam semesta beserta dengan segala isinya dengan Tuhan. Dewa Krishna merupakan penjelmaan Tuhan dalam tubuh manusia dengan tujuan untuk memelihara dan menjadi pelindung alam semesta dari kejahatan dan kerosakan (Made Darmayasa 2009). Lembu juga disebut sebagai *Kamadhenu* atau *Surabi* yang bermaksud ibu pertama dari semua ternakan. Lembu merupakan ibu dari semua makhluk yang memberikan kehidupan kepada alam semesta ini (Doniger 2017).

Berdasarkan kepercayaan dan tradisi yang dibincangkan di atas inilah penghormatan terhadap lembu sehingga sekarang masih diamalkan oleh masyarakat Hindu.

3.2 *Faktor Ekonomi*

Lembu menduduki kedudukan penting dalam ekonomi pertanian India. Dengan pengukuhan pertanian dan kepadatan penduduk India yang semakin meningkat, kekurangan bilangan lembu menjadi faktor penghalang utama terhadap pembangunan ekonomi dan mengancam ketersediaan haiwan bajak kepada para petani (J. Hsu 2012). Lembu dianggap sebagai penggerak ekonomi di India disebabkan fungsinya yang pelbagai seperti sebagai alat bajak, produk tenusu, lemak, dan sebagainya.

Pada zaman Veda, lembu merupakan sumber utama dalam kehidupan keagamaan masyarakat Hindu. Terdapat lima produk utama lembu yang digunakan termasuk susu, minyak ghee, susu basi, air kencing dan najis lembu. Bahan-bahan ini digunakan secara meluas dalam upacara penyembahan harian penganut Hindu. Susu juga merupakan sumber utama makanan bagi orang dewasa dan kanak-kanak. Pelbagai makanan boleh dihasilkan daripada susu lembu seperti yogurt, mentega, minyak dan lain-lain lagi yang menjadi makanan harian masyarakat India ketika itu (Kennedy 2018). Selain itu, najis lembu juga digunakan secara meluas dalam menjadikannya sebagai bahan bakar di kampung-kampung pedalaman. Mereka juga menggunakan najis lembu untuk membersihkan lantai dan dinding rumah yang dipercayai boleh menghapuskan kuman. Masyarakat Hindu percaya, najis lembu mempunyai manfaat semulajadi. Pendek kata, lembu merupakan haiwan ternakan yang banyak memberikan kebaikan kepada manusia. Ketika hidupnya membantu manusia membaja tanah dan memberi makanan kepada manusia dan ketika matinya pula, kulitnya sangat berguna untuk kegunaan manusia (J. Hsu 2012).

Harris Marvin (1987) seorang ahli antropologi teoritis paling kontroversial abad ke-20 memberikan teori mengenai kesucian lembu. "India's sacred cow" oleh Marvin Harris menyatakan penggunaan agama, sosial, dan bahkan praktikal lembu, memperkuat keyakinan orang India terhadap kesucian haiwan peliharaan. Menurut beliau, lembu adalah haiwan suci dan tidak boleh disembelih bagi masyarakat Hindu. Lembu adalah sumber penting dalam menghasilkan susu dan produk tenusu yang lain dalam masyarakat Hindu. Lembu digunakan untuk menarik pembajak dalam pertanian, susu lembu untuk diminum, kotoran lembu boleh dijadikan baja dan bahan api memasak serta menjadi sumber tenaga yang penting, dan tanduknya digunakan dalam industri kulit. Lembu juga dijadikan sebagai binatang utama dalam masyarakat Hindu kerana memberikan banyak manfaat di samping pengeluaran kos penjagaan dan perbelanjaan ekonomi yang minimum serta sedikit. Lembu tidak perlu disediakan makanan yang susah oleh sebab lembu hanya memakan rumput, tidak memerlukan masa dan tenaga yang banyak untuk menjaganya, dan lembu tidak perlu disediakan tempat tinggal seperti manusia.

3.3 *Faktor Politik*

Penyucian lembu dalam dunia moden bermula ketika kerajaan Islam memasuki India yang berlaku pada abad 8M. Masyarakat Hindu cuba untuk membezakan mereka daripada masyarakat Islam. Penyucian lembu diangkat menjadi satu prinsip dalam Hindu bagi membangkitkan semangat nasionalisme Hindu (Doniger 2017).

Mahatma Gandhi (1869-1948) seorang pejuang nasionalisme India, jelas menganggap lembu sebagai ibu kepada alam kerana manfaatnya yang diberikan kepada manusia. Lembu juga dianggap sebagai haiwan yang banyak membantu sosio-ekonomi zaman Hindu kuno di mana lembu digunakan sebagai haiwan yang membuat kerja-kerja pembajakan. Lembu dianggap sebagai pemangkin kepada ekonomi masyarakat Hindu (Parikh & Miller, 2019). Mahatma Gandhi pernah menyebutkan (Prabhu & Rao 1960):

Mother cow is in many ways better than the mother who gave us birth. Our mother gives us milk for a couple of years and then expects us to serve her when we grow up. Mother cow expects from us nothing but grass and grain. Our mother often falls ill and expects service from us. Mother cow rarely falls ill. Here is an unbroken record of service, which does not end with her death. Our mother, when she dies, means expenses of burial or cremation. Mother cow is as useful dead as when she is alive. We can make use of every part of her body-her flesh, her bones, her intestines, her horns and her skin. Well, I say this not to disparage the mother who gives us birth, but in order to show you the substantial reasons for my worshipping the cow.

"Ibu lembu lebih baik daripada ibu yang melahirkan kita. Ibu kita memberi kita susu untuk beberapa tahun dan mengharapkan kita untuk berkhidmat kepada mereka apabila dewasa. Ibu lembu tidak mengharapkan apa-apa daripada kita kecuali rumput dan bijiran. Ibu kita sering sakit dan mengharapkan khidmat daripada kita. Ibu lembu jarang jatuh sakit. Khidmatnya tidak terhingga dan bahkan tidak berakhir dengan kematiannya. Ibu kita apabila meninggal dunia memerlukan kos untuk pengebumian atau pembakaran. Ibu lembu pula bermanfaat semasa hidupnya mahupun ketika kematiannya. Kita boleh menggunakan setiap bahagian daripada tubuhnya-dagingnya, tulangnya,

ususnya, tanduknya dan juga kulitnya. Saya mengatakan sebegini bukan untuk merendah-rendahkan kelebihan ibu yang melahirkan kita, akan tetapi untuk menunjukkan alasan yang kukuh penyembahan saya terhadap lembu.”

Hal ini jelas menunjukkan bagaimana penyucian lembu pada zaman Mahatma Gandhi disebar luaskan melalui kenyataan-kenyataan beliau yang menegaskan akan kesucian lembu. Antara penulisan beliau ada menyebutkan (Prabhu & Rao 1960):

The central fact of Hinduism is cow protection.

“Fakta utama dalam ajaran Hindu adalah perlindungan terhadap lembu.”

Cow preservation is an article of faith in Hinduism.

“Pemeliharaan lembu merupakan rukun iman dalam ajaran Hindu.”

Merujuk kepada kenyataan di atas, ianya jelas menunjukkan bagaimana Mahatma Gandhi merupakan antara peneraju utama dalam meletakkan kepercayaan terhadap lembu sebagai antara kepercayaan penting dalam agama Hindu sehingga menyebabkan pengagungan terhadap lembu menjadi intipati keyakinan penganut Hindu (Parikh & Miller, 2019). Perjuangan Mahatma Gandhi dalam meletakkan kedudukan lembu pada tahap yang diagungkan adalah jelas dalam kenyataan beliau (Prabhu & Rao 1960):

“I worship it and I shall defend its worship against the whole world.”

“Saya menyembahnya (lembu) dan saya akan mempertahankan penyembahannya terhadap seluruh dunia.”

Kesimpulannya, faktor penyucian lembu dapat dilihat menerusi tiga aspek utama yang bermula dengan prinsip *ahimsa* kemudian diikuti dengan faktor ekonomi di mana lembu diangkat sebagai haiwan yang mempunyai banyak manfaat dan jasa kepada manusia sehingga menyebabkan daging lembu perlu dipelihara bagi memastikan kelestarian alam. Hal ini dikaitkan juga dengan mitos-mitos agama Hindu yang mengaitkan lembu dengan dewa-dewa dan sehingga kini ianya menjadi pegangan sentral dalam agama Hindu yang menganggap lembu sebagai setaraf dengan dewa. Kepercayaan kepada kesucian lembu justeru mempengaruhi tahap religiositi penganut Hindu di mana penyucian lembu merupakan antara tunjang kepercayaan dalam ajaran Hindu di mana religiositi (Ismail 2019) tertumpu kepada teologi, ritual dan sikap beragama. Daripada aspek politik pula, penyucian lembu dapat dilihat bermula daripada zaman Mahatma Gandhi yang meletakkan kepercayaan kepada kesucian lembu sebagai kepercayaan utama dalam ajaran Hindu bagi meningkatkan semangat nasionalisme Hindu dan sehingga kini ianya dijadikan agenda utama dalam percaturan politik di India.

4. Kesimpulan

Secara kesimpulan, penyucian lembu bertitik tolak daripada prinsip *ahimsa* yang kemudiannya digunakan sebagai asas dalam menolak ritual korban dan penyembelihan lembu dan seterusnya melarang memakan daging lembu dalam kalangan masyarakat Hindu. Kedudukan lembu seterusnya diangkat menjadi haiwan suci yang disamakan tarafnya dengan dewa-dewa Hindu dan mendapat tempat yang istimewa apabila bahagian-bahagian lembu seperti susu, minyak sapi, air kencing dan najisnya digunakan dalam upacara ritual keagamaan Hindu. Oleh kerana manfaatnya yang banyak dan keterkaitannya dengan ekonomi masyarakat Hindu, pengharaman lembu menjadi berleluasa dan dimaklumi oleh majoriti penganut Hindu dan ianya dianggap sebagai kepercayaan sentral dalam ajaran Hindu seperti yang dibawa oleh Mahatma Gandhi. Lembu dianggap suci kerana ianya dianggap sebagai wahana dan haiwan kesayangan dewa-dewa Hindu dan akhir sekali lembu diangkat sebagai simbol nasionalisme Hindu. Tuntasnya, kedudukan lembu yang dianggap sebagai dewa menjadikan lembu haiwan yang sangat diagungkan dan dihormati dalam kalangan penganut Hindu. Kajian yang selanjutnya dalam perbincangan ini dapat dikembangkan lagi menerusi perbincangan yang terperinci terhadap setiap faktor serta dapat diperluaskan lagi dengan kajian tinjauan terhadap penyucian haiwan-haiwan lain dalam agama Hindu.

Rujukan

- Batra, S. (1981). *Cows and cow-slaughter in India: Religious, political and social aspects*. Hague: Institute of Social Studies.
- Brown, W. N. (1957). The sanctity of the cow in Hinduism. *The Madras University Journal*. 28: 29-49.



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>
Vol. 5, No. 1, June 2020

- Cow Vigilantes in India. *Bloomberg*. 20 Februari 2019. Diakses pada 17 Jun 2019.
- Doniger, W. (2017). Hinduism and its complicated history with cows. *The Conversation*. theconversation.com/Hinduism-and-its-complicated-history-with-cows-and-people-who-eat-them-80586.
- Harris, M. (1987). *The Sacred cow and the abominable pig: Riddles of food and culture*. New York, NY: Simon & Schuster.
- Ismail, N. et al. (2019). Pengamalan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam di Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. 4 (2). 78-93.
- J. Hsu, M. (2012). The Significance of cows in Indian society between sacredness and economy. *Anthropological Notebooks*. 18 (3). 5-12.
- Jha, D. N. (2002). *The Myth of Holy Cow*. New Delhi: Matrix Book.
- Kennedy, U et al. (2018). The Sheltering of unwanted cattle, experiences in India and implications for cattle industries elsewhere. *Animals*. 8 (64). <https://doi.org/10.3390/ani8050064>.
- Korom, F. J. (2000). Holy cow! The apoteosis of zebu, or why the cow is scared in Hinduism. *Asian Folklore Studies*. 59. 181-203. DOI: 10.2307/1178915 <https://www.jstor.org/stable/1178915>.
- Lodrick, D. O. (2005). Symbol and sustenance: Cattle in South Asian culture. *Dialectical Anthropology*. 29: 61-84. <https://doi.org/10.1007/s10624-005-5809-8>.
- Made Darmayasa. (2009). *Keagungan lembu menurut Weda*. Bali: Manikgenik.
- Margo DeMello. (2012). *Animals and society: An introduction to human-animal studies*. Columbia: Columbia University Press.
- Parikh, A & Miller, Cl. (2019). Holy cow! Beef ban, political technologies, and Brahmanical supremacy in Modi's India. *An International Journal for Critical Geographies*. 18 (4). 835-874. <https://acme-journal.org/index.php/acme/article/view/1758>.
- Prabhu, R. K. & Rao U. R. (1960). *Mind of Mahatma Gandhi*. India: Navajivan Trust.
- Protests held across India after attacks against Muslims. *Reuters*. 28 Jun 2017. Diakses pada 17 Jun 2019.
- Sanderson, S. (2011). Lembu yang suci dan babi yang menjijikkan. *Makrososiologi* (edisi kedua) (terj.). Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Schwabe, C. W. (1978). Holy cow provider or parasite? A problem for humanists. *Southern Humanities Review*. 13 (3). 251-278.
- Simoons, F. J. (1973). The scared cow and the constitution of India. *Ecology of Food and Nutrition*. 2(4):281-295.
- Weber, M. (1958). *The religion of India: The sociology of Hinduism and Buddhism*. Translated and edited by Hans H. Gerth. London: Verso.
- Xiao, Y. & Watson, M. (2017). Guidance on conducting a systematic literature review. *Journal of Planning Education and Research*. 1-20. <https://doi.org/10.1177/0739456X17723971>.